

# e-Buletin KEDUTAAN BESAR MALAYSIA, BERLIN

EDISI KHAS, VOL.6, Q3 2016

## MEMACU HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA-JERMAN KE TAHAP BARU



Malaysia dan Republik Bersekutu Jerman telah menjalin hubungan dua hala yang erat sejak tahun 1957 lagi. Tidak lama selepas Malaysia mengisytiharkan kemerdekaannya dari British, Republik Bersekutu Jerman tidak menunggu lama untuk terus membina hubungan diplomatik

dengan Malaysia secara rasminya. Kini, hubungan dua hala terus berkembang pesat, merangkumi pelbagai bidang kerjasama. Hubungan erat ini turut diperkukuh melalui interaksi antara kepimpinan kedua-dua Negara yang diadakan secara kerap dan aktif.

*(Bersambung di muka surat 2)*

### Edisi khas Bulan Bahasa Kebangsaan

Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan pada Oktober ini, e-Buletin Kedutaan Besar Malaysia, Berlin diterbitkan dalam format dwi-bahasa. Menarik dalam isu ini:

- Perdana Menteri bertemu Canselor Jerman Angela Merkel.
- Perdana Menteri bertemu Ketua Menteri Mecklenburg-Vorpommern.
- Majlis makan malam bersama rakyat Malaysia.
- Lawatan duta-duta ASEAN ke Baden-Württemberg



## PERDANA MENTERI KE REPUBLIK BERSEKUTU JERMAN

*(Dari muka hadapan)*

Kedutaan Besar Malaysia berbesar hati menerima kunjungan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak dan delegasi ke Republik Bersekutu Jerman. Perdana Menteri berada di Jerman untuk mengadakan lawatan rasmi 2 hari beliau pada 27 dan 28 September 2016. Beliau diiringi isteri Datin Sri Rosmah Mansor, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Mah Siew Keong serta pegawai-pegawai dari agensi-agensi Malaysia.

Cadangan untuk mengadakan lawatan rasmi ke Jerman mula dikeskakan pada tahun 2014, iaitu semasa Perdana Menteri mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Jerman Canselor Dr. Angela Merkel di sela Sidang Kemuncak ASEM ke-10 di Milan. Semasa pertemuan dua hala tersebut, Canselor Merkel telah memanjangkan undangan kepada Perdana Menteri untuk mengadakan lawatan rasmi ke Jerman. Lanjutan undangan tersebut, kedua-dua

pihak memulakan perbincangan untuk merancang lawatan tersebut, mengambil kira jadual kedua-dua pemimpin yang sentiasa padat.

Lawatan rasmi ini adalah sangat bererti kerana ia merupakan lawatan rasmi pertama Dato' Sri Najib ke Jerman sebagai Perdana Menteri Malaysia, di samping merupakan lawatan Perdana Menteri Malaysia ke Jerman yang pertama dalam tempoh lebih sedekad. Lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia ke Jerman yang terakhir diadakan oleh (pada ketika itu) Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2005.

Di samping bertemu rakan sejawat, Perdana Menteri turut meluangkan masa untuk bertemu dengan wakil-wakil sektor industri, komuniti Malaysia serta wakil kerajaan tempatan semasa lawatan rasmi tersebut.

*(Lihat muka surat 3-8 untuk paparan aktiviti-aktiviti yang berlangsung sepanjang lawatan rasmi Perdana Menteri.)*



**Kiri:** Perdana Menteri disambut oleh Ketua Protokol di pejabat Luar Negeri TYT Jürgen Christian Mertens semasa ketibaan di Berlin.

**Kanan:** Perdana Menteri dan isteri bergambar dengan pasangan pertama Mecklenburg-Vorpommern di hadapan pejabat kanselari Negeri.



## PERDANA MENTERI MENJEMPUT AHLI PARLIMEN JERMAN KE MALAYSIA



**Atas Kiri:** Perdana Menteri dan Canselor Merkel mengadakan perbincangan sebelum memulakan pertemuan dua hala secara rasmi.

**Atas Kanan:** Perdana Menteri dan Canselor Merkel selepas sidang media bersama.

**Kanan:** Delegasi dari kedua-dua negara membincangkan isu-isu yang berkepentingan bersama semasa majlis jamuan rasmi.

**Berlin, 27 September** - Kemuncak lawatan rasmi Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak ke Jerman ialah Majlis Jamuan Kerja Rasmi dengan Canselor Jerman Dr. Angela Merkel di Pejabat Canseleri. Majlis Jamuan Rasmi tersebut diadahului dengan upacara sambutan perbarisan kehormat di lapangan Pejabat Canseleri. Selepas memeriksa perbarisan, kedua-dua pemimpin terus mengadakan pertemuan dua hala mereka bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama. Selain isu dua hala, topik berkaitan keganasan dan ancaman fahaman ekstrim turut menjadi antara agenda utama. Kedua-dua pihak berkongsi pengalaman dalam menangani penyebaran fahaman ekstrim di negara masing-masing dan dalam kes Malaysia, Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk mengetengahkan nilai-nilai kesederhanaan terutamanya menerusi inisiatif pergerakan kesederhanaan global.

Kedua-dua pihak turut membincangkan isu berkaitan tanggapan negatif negara-negara Eropah terhadap industri kelapa sawit. Pihak Eropah mempunyai tanggapan serong terhadap produk kelapa sawit kerana percaya bahawa perusahaan kelapa sawit mengakibatkan kesan buruk ke atas alam sekitar. Perdana Menteri menegaskan bahawa pengeluaran minyak sawit di Malaysia sentiasa dilakukan dengan kaedah yang terkawal dan mampan. Di samping itu, Malaysia tidak mengamalkan kaedah pembasmian dan pembakaran hutan. Beliau menjemput ahli-ahli Parlimen Jerman untuk melawat Malaysia untuk melihat sendiri bagaimana pengeluaran minyak sawit diuruskan di Malaysia.

## PERDANA MENTERI BERTEMU KOMUNITI MALAYSIA DI JERMAN

**Berlin, 27 September** - Perdana Menteri meluangkan masa untuk mendampingi rakyat Malaysia di Jerman dalam satu majlis makan malam yang diadakan di Hotel Ritz-Carlton. Seramai kira-kira 200 tetamu yang terdiri daripada kalangan pelajar, ahli perniagaan dan diaspora Malaysia menghadiri majlis tersebut.

Dalam amanat beliau, Perdana Menteri menyeru rakyat Malaysia untuk mencontohi sikap dan disiplin Jerman dalam kehidupan seharian. Semangat inovasi yang ditunjukkan oleh Jerman juga perlu dijadikan penanda aras yang perlu diikuti dalam usaha mencapai kemajuan.





## PERDANA MENTERI BERTEMU KETUA-KETUA SYARIKAT JERMAN

**Berlin, 27 September** - Satu sesi dialog dengan ketua-ketua syarikat Jerman telah diadakan di Hotel Ritz-Carlton. Ketua-ketua dari 24 syarikat Jerman, 4 syarikat Malaysia serta wakil-wakil pertubuhan perniagaan Jerman telah menyertai sesi dialog tersebut, yang menyediakan platform bagi komuniti perniagaan berinteraksi secara terus dengan Perdana Menteri.

Sesi dialog tersebut dimulakan dengan ucapan aluan oleh Prof. Dato' Seri Dr. Ludwig Georg Braun, Presiden Kehormat Pertubuhan Dewan-dewan Perdagangan dan Industri Jerman (DIHK) merangkap wakil Jawatankuasa Perniagaan Jerman Asia-Pasifik (APA). Perdana Menteri menyampaikan ucap tama beliau sejurus selepas itu. Dalam ucapan tama beliau, Dato' Sri Najib menyatakan rasa sukacita beliau di atas perkembangan positif yang telah dicapai dari segi perdagangan dan pelaburan dua hala. Beliau turut memuji pencapaian syarikat-syarikat kecil dan sederhana Jerman "*Mittelstand*" serta menyaranakan perusahaan kecil dan sederhana Malaysia mencontohi etika, semangat inovasi serta kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh *Mittelstand*. Perdana Menteri menyatakan sokongan Malaysia terhadap APA ser-

ta menyuarakan hasrat Malaysia untuk menjadi hos bagi Persidangan APA ke-16 pada tahun 2018.

Sesi dialog yang menyusul sejurus selepas itu telah dipengerusikan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri selaku Moderator. Wakil-wakil syarikat diberi peluang untuk bertanya terus kepada Perdana Menteri mengenai isu-isu berkaitan sektor perniagaan di Malaysia. Antara isu-isu utama yang diketengahkan termasuk perkembangan Dasar Automotif Negara, pembangunan tenaga kerja mahir serta langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung amalan industri yang menjejaskan alam sekitar.

Peluang lawatan rasmi Perdana Menteri ke Jerman juga turut dimanfaatkan oleh ketua-ketua syarikat untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri secara berasingan. Dalam pertemuan-pertemuan ini, wakil-wakil syarikat membentangkan kepada Perdana Menteri mengenai pelan mereka di Malaysia di samping mengutaran permasalahan-permasalahan yang dihadapi kepada Perdana Menteri.





## SATELLITE PIPELINE MEMETERAI PERJANJIAN DENGAN AWS SCHÄFER



**Berlin, 27 September** - Satu perjanjian usaha sama telah ditandatangani antara Satellite Pipeline Sdn. Bhd. dan AWS Schäfer Technologie GmbH semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh En. Hubertus Engels, Ketua Pegawai Eksekutif AWS Schäfer dan En. Abdullah Osman, Pengarah Urusan Satellite Pipeline dengan disaksikan oleh Perdana Menteri, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Mah Siew Keong, Presiden Kehormat Pertubuhan Dewan-dewan Perdagangan dan Industri Jerman Prof. Dato' Seri Dr. Ludwig Georg Braun dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia Dato' Azman Mahmud.

Di bawah perjanjian ini, Satellite Pipeline dan AWS Schäfer akan bekerjasama untuk membangunkan sebuah pusat pembengkokan induksi di Gebeng, Pahang, yang akan membekalkan paip bagi kegunaan industry minyak dan gas.

## PELABURAN MALAYSIA MEMBANTU MERANCAKKAN PERKEMBANGAN EKONOMI MECKLENBURG-VORPOMMERN

**Mecklenburg-Vorpommern, 28 September** - Bagi mengakhiri lawatan rasmi 2 hari beliau ke Jerman, Perdana Menteri berkunjung ke Mecklenburg-Vorpommern, sebuah negeri yang terletak di timur laut Republik Bersekutu Jerman. Kunjungan tersebut bermula di ibu negeri Mecklenburg-Vorpommern, Schwerin, di mana Dato' Sri Najib dan Datin Sri Rosmah disambut oleh Ketua Menteri Erwin Sellering dan isteri Britta Sellering. Delegasi dari kedua-dua pihak turut mengadakan pertemuan dua hala yang membincangkan isu-isu berkepentingan bersama seperti peluang kerjasama dalam bidang tenaga boleh baharu, pendidikan dan pelancongan.

Dari Schwerin, delegasi Perdana Menteri berkunjung ke Wismar, sebuah Bandar Hansa yang terletak di utara Mecklenburg-Vorpommern. Di Wismar, Perdana Menteri melawat sebuah limbungan kapal milik MV Werften (yang dahulunya dikenali sebagai Lloyd Werften) iaitu sebuah syarikat pembinaan kapal yang baru dibeli oleh Kumpulan Genting pada awal tahun ini. Menerusi pembelian ini, Kumpulan Genting akan memulakan operasi pembinaan kapalnya di beberapa lokasi di Mecklenburg-Vorpommern iaitu Stralsund, Warnemünde dan Wismar. Limbungan-limbungan kapal di lokasi-lokasi tersebut akan digunakan untuk membina kapal-kapal persiaran milik Genting bagi membolehkannya kekal berdaya saing serta memenuhi kehendak pasaran. Antara tahun 2017 hingga 2022, limbungan-limbungan kapal milik Genting ini akan mengeluarkan lebih dari 10 buah kapal persiaran dari pelbagai kelas dan saiz.

Pelaburan bernilai kira-kira €360 juta ini akan merancaikkan lagi industry pembinaan kapal di Wismar di samping menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk di Bandar tersebut.



## MENEROKA PELUANG KERJASAMA DALAM BIDANG PENARAFAN KUALITI

**Hannover, 28 Julai** - TYT Duta Besar mengadakan lawatan kerja sehari ke ibu pejabat TÜV NORD. Lawatan ini diadakan susulan perbincangan yang berlangsung semasa *ASEAN Dialogue* pada bulan April 2016. Di ibu pejabat TÜV NORD, TYT Duta Besar disambut oleh ahli lembaga pengarah Kumpulan TÜV NORD Dr. Klaus Kleinherbers serta ketua-ketua unit dari seksyen mobiliti TÜV NORD.

Semasa lawatan kerja tersebut, TYT Duta Besar dibawa melawat beberapa stesen pemeriksaan kenderaan milik TÜV NORD di sekitar Hannover di samping mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil syarikat tersebut. Perbincangan bertumpu kepada senario pemeriksaan kenderaan di Malaysia serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk menambah baik dasar dan peraturan perkaitan pemeriksaan kenderaan di Malaysia.



## KETUA SETIAUSAHA NEGARA BERDIALOG DENGAN PENJAWAT AWAM MALAYSIA DI JERMAN



**Berlin, 19 September** - Satu sesi dialog antara Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr. Ali Hamsa dengan penjawat awam Malaysia di Jerman telah berlangsung di Kedutaan Besar Malaysia. Dialog tersebut diadakan bersempena lawatan kerja Tan Sri Dr. Ali ke Innotrans 2016 (ekspo perdagangan industri keretapi yang berlangsung 2 tahun sekali di Berlin) selaku Pengerusi MRT Corp.

Pada sesi tersebut, TYT Duta Besar menyampaikan pembentangan mengenai peranan dan perkembangan agensi-agensi kerajaan Malaysia di Jerman kepada Tan Sri Dr. Ali. Tan Sri Dr. Ali turut memaklumkan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam Malaysia. Beliau memberi penekanan terhadap Strategi Lautan Biru Kebangsaan, di samping perlunya agensi kerajaan mempraktikkan idea-idea kreatif dan inovatif ke arah memantapkan perkhidmatan awam.

## LAWATAN KE BADEN-WÜRTTEMBERG MENGAKHIRI KEPENGERUSIAN MALAYSIA DALAM BAC

**Baden-Württemberg, 12-14 Julai** - Sebagai aktiviti penutup bagi kepengerusian Malaysian dalam Jawatankuasa ASEAN Berlin (BAC), Kedutaan Besar Malaysia telah menganjurkan satu lawatan kerja ke Baden-Württemberg. Lawatan kerja tersebut merupakan antara inisiatif yang diambil oleh BAC untuk mendekati dan mempererat hubungan dengan Baden-Württemberg, lebih-lebih lagi susulan penubuhan kerajaan negeri yang baru lanjutan pilihanraya negeri pada bulan Mac 2016.

Lawatan kerja BAC bermula di Baden-Baden pada petang 12 Julai 2016, di mana ahli-ahli BAC bertemu dengan wakil-wakil dari Dewan Perdagangan dan Industri (IHK) Karlsruhe. Program lawatan diteruskan di Stuttgart pada hari seterusnya, di mana BAC mengadakan beberapa pertemuan dengan wakil-wakil kerajaan negeri dan komuniti perniagaan tempatan. TYT Duta Besar Dato' Zulkifli Adnan mengetuai delegasi BAC dalam pertemuan dengan Ketua Menteri Winfried Kretschmann, lawatan ke pusat Latihan vokasional Daimler AG serta sesi dialog dengan IHK Stuttgart. Delegasi BAC turut berpeluang untuk bertemu dengan *Duke Carl of Württemberg* di estet beliau, di mana mereka mempelajari serba sedikit mengenai sejarah system feudal lama Jerman dan peranannya golongan bangsawan dalam masyarakat Jerman moden.

Bagi mengakhiri lawatan kerja tersebut, delegasi BAC mengadakan satu pertemuan dengan Dr. Nicole Hoffmeister-Kraut, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Buruh dan Perumahan Baden-Württemberg pada 14 Julai 2016. Wakil-wakil agensi tempatan di Baden-Württemberg turut hadir di pertemuan tersebut untuk berkongsi maklumat mengenai potensi Baden-Württemberg sebagai lokasi perniagaan dan pelaburan.



**Kiri:** Wakil-wakil BAC bergambar bersama Ketua Menteri En. Winfried Kretschmann.

**Kanan:** Duta-duta Besar ASEAN dengan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Buruh dan Perumahan Dr. Nicole Kraut-Hoffmeister.





## ASEAN MENYAMBUT ULANG TAHUN PENUBUHAN KE-49

**Berlin, 8 September** - Jawatankuasa ASEAN Berlin (BAC) menganjurkan satu majlis resepsi sempena Hari ASEAN di Kedutaan Besar Republik Singapura. Lebih 300 tetamu yang terdiri dari wakil-wakil kerajaan, kor diplomatik, komuniti perniagaan, badan pemikir, badan bukan kerajaan serta komuniti dari negara-negara ASEAN turut serta meraikan detik bersejarah tersebut. Majlis resepsi tersebut dibuka dengan ucapan aluan oleh Pengerusi BAC, TYT Puan Yin Yin Myint, Duta Besar Myanmar ke Republik Bersekutu Jerman. Pengerusi Kumpulan Persahabatan Jerman-ASEAN di *Bundestag* Dr. Thomas Gambke serta TYT Sabine Sparwasser, Ketua Pengarah Hal Ehwal Politik (Afrika, Asia, Amerika Latin serta Timur Tengah) di Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri Jerman turut menyampaikan ucapan masing-masing selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Majlis resepsi Hari ASEAN tersebut turut mengetengahkan aspek kebudayaan ASEAN. Sajian bufet berkonsepkan "bazaar makanan" yang terdiri dari makanan tradisional dari setiap negara anggota ASEAN dihidangkan kepada para tetamu. Gerai makanan Malaysia menghidangkan pelbagai kuih muih yang bertemakan "*Nyonya Delights*". Para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan tarian Sumazau yang disampaikan oleh ahli-ahli Kelab Malaysia Berlin semasa majlis tersebut.



**Dari atas, kiri, mengikut arah jam:** Gerai Malaysia yang menampilkan tema "*Nyonya Delights*"; Kumpulan tarian Sumazau Kelab Malaysia Berlin; Duta-duta Besar dan pasangan bergambar di atas pentas; Ucaptama oleh TYT Sabine Sparwasser; Dr. Thomas Gambke menyampaikan ucapan beliau.

## AKTIVITI PERKELAHAN KELUARGA ASEAN

**Berlin, 7 Ogos** - Kakitangan dan ahli keluarga kedutaan-kedutaan besar ASEAN di Berlin menganjurkan bersama aktiviti perkemahan santai di Wansee. Aktiviti tersebut bertujuan mengeratkan hubungan antara kedutaan-kedutaan besar ASEAN di samping meraikan Hari ASEAN yang jatuh pada 8 Ogos. Para peserta berkongsi juadah dan menyertai aktiviti sukan rakyat di samping mengambil peluang untuk berkenalan antara satu sama lain.



## MALAYSIA MENYERAHKAN KEPENGERUSIAN BAC KEPADA MYANMAR

**Berlin, 21 Julai** - Selepas menerajui Jawatankuasa ASEAN Berlin (BAC) selama 6 bulan, Malaysia menyerahkan kepengerusian Jawatankuasa tersebut kepada Myanmar. Kepengerusian BAC diserahkan dengan rasminya semasa mesyuarat BAC di Kedutaan Besar Malaysia. Sebagai simbolik kepada pertukaran kepengerusian tersebut, TYT Duta Besar Dato' Zulkifli Adnan menyerahkan bendera ASEAN kepada Pengerusi BAC yang baru, TYT Pn. Yin Yin Myint. Jawatankuasa turut memperakukan laporan aktiviti BAC yang dilaksanakan di bawah kepengerusian Malaysia (Januari – Julai 2016) dan bersetuju untuk menghantar laporan tersebut ke Sekretariat ASEAN di Jakarta.



## KUIH KETAYAP

Kuih Ketayap (turut dikenali sebagai Kuih Dadar) adalah antara kuih tradisional yang is popular di Malaysia. Ia merupakan sejenis manisan yang terdiri dari lempeng pandan yang diisi dengan inti kelapa. Kuih Ketayap sesuai dihidangkan sebagai juadah minum pagi atau petang. Di Malaysia, Kuih Ketayap mudah didapati di gerai-gerai kuih tradisional atau di pasar-pasar. Namun demikian, ia juga mudah disediakan di rumah.

### Bahan-bahan (Adunan Lempeng)

- Jus pandan (kisarkan 5 helai daun pandan dengan 3-4 sudu makan air dan tapis cecair kisaran)
- 120g tepung gandum
- 1 telur
- 300ml santan
- 1/4 sudu teh garam

### Bahan-bahan (Inti)

- 90g gula melaka
- 1 sudu makan gula
- 1 helai daun pandan (dipintal)
- 50ml air
- 1/2 kelapa (diparut)
- 1 sudu teh tepung jagung



### Kaedah

1. Campurkan tepung gandum, telur, santan, garam dan 3 sudu makan jus pandan hingga sebati. Ketepikan buat sementara.
2. Masak gula Melaka, gula, air dan daun pandan yang disimpul hingga gula larut. Tapiskan larutan gula tersebut dan kembalikannya ke dalam periuk. Tambahkan isi kelapa yang diparut dan tepung jagung yang dilarutkan dengan sedikit air. Masak selama beberapa minit dan ketepikan buat seketika.
3. Panaskan kualiti leper di atas api kecil dan sapukan dengan sedikit minyak. Tuangkan kira-kira 2 sudu makan adunan lempeng ke tengah-tengah kualiti dan ratakan bagi membentuk lempeng nipis yang berdiameter kira-kira 13 sm.
4. Apabila lempeng telah masak, pindahkan ke papan pemotong atau permukaan yang rata.
5. Letakkan kira-kira 2 sudu the inti kelapa di atas lempeng dan gulungkan seperti pop-iah.
6. Sesuai dihidangkan sebagai juadah minum pagi atau petang.

# CUTI UMUM KEDUTAAN BESAR MALAYSIA BAGI TAHUN 2016

Cuti	Tarikh
Maulidurrasul	12 Disember
Krismas	25 Disember

Catatan: Sekiranya cuti umum jatuh pada hari Ahad atau hari cuti umum yang lain, hari bekerja seterusnya akan dijadikan hari cuti peristiwa.




## Tahukah anda?

Tahukah anda bahawa bulan Oktober telah diisytiharkan sebagai bulan bahasa kebangsaan?

Raikan bulan bahasa kebangsaan. Bahasa kita, identiti kita.



Layari laman Facebook kami: <https://www.facebook.com/>



**Kedutaan Besar Malaysia**  
Klingelhöferstraße 6, 10785 Berlin  
Tel: +4930 8857 49-0, Faks: +4930 8857 49-50,  
Emel: [mwberlin@malemb.de](mailto:mwberlin@malemb.de), [info@malemb.de](mailto:info@malemb.de), [consular@malemb.de](mailto:consular@malemb.de)  
Laman Web: [http://www.kln.gov.my/web/deu\\_berlin/home](http://www.kln.gov.my/web/deu_berlin/home)  
Waktu Urusan: Isnin-Jumaat, 8:30 pagi - 4:30 petang